

07 AUG 1996

Mohamad-perlembagaan

UMNO DIJANGKA PINDA PERLEMBAGAAN SEKALI LAGI UNTUK ATASI MASALAH

SIBU, 7 Ogos (Bernama) -- Umno dijangka meminda perlembagannya sekali lagi sebagai langkah mengatasi masalah seperti rasuah politik, fitnah memfitnah dan pendaftaran pemilihan ke jawatan penting di dalam parti itu.

Setiausaha Agungnya, Datuk Mohamad Rahmat hari ini berkata, jawatankuasa sementara parti itu yang dipengerusikan oleh Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kini sedang mengumpul maklumat bagi menetapkan perkara-perkara yang perlu dimasukkan ke dalam pindaan perlembagaan itu.

Bercakapa kepada pemberita sebelum ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sibu, kira-kira 30km dari sini, beliau berkata, langkah itu perlu bagi memastikan masalah dalaman parti itu tidak akan memusnahkannya.

Jawatankuasa itu akan mengemukakan rumusan pindaan yang dicadangkan bagi dipertimbangkan oleh Majlis Tertinggi (MT) sebelum di bawa kepada Perhimpunan Agung.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memastikan sama ada cadangan pindaan perlembagaan itu akan dibawa pada perhimpunan agung pada Oktober ini.

"Tunggulah perkembangan selanjutnya," katanya sambil menjelaskan langkah itu dibuat untuk menstabilkan parti.

Mengenai larangan ke atas anggota-anggota parti yang bertanding jawatan dalam parti secara terbuka, Mohamad berkata, langkah membenarkan mereka berkempen secara senyap-senyap tidak akan menyebabkan perpecahan di dalam parti.

Langkah itu, katanya juga diterima baik oleh anggota-anggota, terutamanya mereka yang tidak mempunyai kemudahan jawatan atau wang dan mereka menganggapnya sebagai keputusan bijaksana.

Mengenai pemilihan jawatan utama di dalam parti, Mohamad berkata, anggota-anggota parti perlu bersikap rasional ketika membuat pilihan mereka, kerana calon-calon akan menjadi pemimpin negara dan bangsa.

"Tugas itu berat. Sebab itu kita tidak mahu wakil kita di perhimpunan agung Oktober ini ternoda kerana sogokan-sogokan yang tidak wajar," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta anggota-anggota parti yang setia membuat laporan segera jika terdapat orang yang cuba memberi sogokan untuk memenangi jawatan tinggi dalam parti. Beliau mensifatkan pemberian seperti itu sebagai najis dan jijik.

Katanya, langkah-langkah yang diambil oleh pucuk pimpinan untuk menghadapi masalah semasa seperti amalan rasuah politik adalah sebagai memenuhi permintaan yang dibuat oleh anggota-anggota sendiri semasa perhimpunan yang lepas. -- BERNAMA

AHM WAT